

**14 tokoh tersohor Malaysia-Indonesia bertemu
Malaysiakini.com
Oct 6, 2008**

Empat belas tokoh terkemuka dan dihormati dari Malaysia dan Indonesia akan berhimpun di Kuala Lumpur lusa bagi mesyuarat kedua Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka (EPG).

Menteri Luar Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata mesyuarat itu akan menyambung perbincangan mengenai pelbagai program dan aktiviti dua hala dan menentukan hala tuju dalam usaha memperkukuhkan lagi hubungan dua negara tersebut.

"Mesyuarat dua hari itu susulan kepada yang pertama yang diadakan di Jakarta pada Ogos tahun ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya, lapor Bernama, mesyuarat EPG Malaysia-Indonesia telah diberikan mandat oleh pemimpin kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

Rais berkata mekanisme EPG juga menjadi bukti komitmen kedua-dua negara dalam memastikan hubungan yang harmoni di masa depan.

"Pada masa yang sama mesyuarat ini juga dijangka akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala strategik yang sedia terjalin," katanya.

Katanya pengerusi EPG-Malaysia Tun Musa Hitam akan mengendalikan mesyuarat itu, manakala pengerusi EPG-Indonesia Gen (B) Tan Sri Try Sutrisno akan mengetuai delegasi republik itu